

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 27 JULAI 2017

MUKA SURAT: 13

Tidak guna bahan komposit

KUALA LUMPUR 26

Julai - Pembinaan bangunan di negara ini tidak menggunakan bahan komposit 'Acronic Reynobond PE' seperti

yang digunakan pada bangunan Greenfell Tower di London, United Kingdom (UK) yang



NOH OMAR

terbakar bulan lalu sehingga meragut puluhan nyawa.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, hal itu kerana mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984, bahan yang hendak digunakan sebagai salutan pada dinding luar mestilah daripada kelas 'O' yang tidak menyebabkan merebaknya api.

"Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Bilangan 71 dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 10 Julai lalu telah memutuskan supaya semua negeri mewartakan UKBS 1984," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Liew Chin Tong (DAP-Kluang)** yang ingin tahu sama ada bahan komposit 'Acronic Reynobond PE' sebagai bahan pelekap dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Noh memberitahu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melakukan 16,240 pemeriksaan pada 2016 bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran dan mendapati 2,194 premis mempunyai risiko bahaya kebakaran.

Berikutan itu, katanya, sebanyak 9,699 notis menghapus bahaya kebakaran telah dikeluarkan dengan terdapat beberapa premis menerima lebih daripada satu notis.